

Newspaper	Sinar Harian
Date	13 June 2015

Dr Mahathir sengaja cipta krisis: PM

Sinar Harian - 13/6/2015

SHAH ALAM - Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang memramalkan kekalahan BN pada PRU14 silap, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Najib, jika BN kekal bersatu, beliau percaya rakyat akan buktikan kenyataan Dr Mahathir silap.



"Sebelum ini Dr Mahathir kata BN kalah pada PRU akan datang, tetapi saya ingintanya sejak bilaseorang individu itu berhak bercakap bagi semua pengundi?"

"Dakwaan itu palsu dan didorong kepentingan diri sendiri dan bukan kepentingan negara," katanya dalam blog miliknya, *NajibRazak.com*, semalam.

Jelasnya, keadaan pembangkang ketika ini yang berada dalam keadaan krisis disebabkan pertentangan ideologi bakal memberi peluang kepada BN terus mendapat mandat rakyat.

Menurutnya, serangan berterusan dilakukan Dr Mahathir disebabkan keengganan beliau untuk melaksanakan tuntutan peribadi.

"Saya menolak kerana ini tugas saya sebagai Perdana Menteri yang dipilih secara demokrasi untuk memimpin negara dan percaya perkara dilakukan saya untuk kebaikan negara dan bukannya untuk kebaikan seorang individu."

"Saya percaya rakyat tidak mahu bekas Perdana Menteri yang memerintah melalui proksi," katanya.

Najib berkata, Dr Mahathir sengaja mencipta krisis dengan mengambil tindakan secara melulu iaitu mengatakan RM 42 bilion telah hilang dari syarikat Delaburan

Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Begitu juga dengan kenyataan yang mengatakan aset kewangan syarikat bernilai kira-kira RM16 bilion adakah 'tiada nilai'?"

"Kenyataan ini adakah palsu dan dicipta untuk mewujudkan rasa panikr katanya.

Mengulas lanjut, Najib berkata, sekiranya Dr Mahathir meletakkan fakta serta menjelaskan bahawa RM42 bilion adalah hutang, maka ia akan menjadi cerita yang berbeza.

"Ini kerana syarikat biasa mempunyai aset bernilai tinggi sebagai cagaran hutang. Dalam kes 1MDB, hutang RM42 bilion disokong oleh RM51 bilion aset pada 2014. Tetapi dia (Dr Mahathir) memilih untuk tidak mengendahnya.

Katanya, tindakan Dr Mahathir salah kerana membuat tuduhan tidak betul dengan menyatakan jumlah sebanyak RM42 bilion atau RM27 bilion yang dikatakan hilang.

"Selepas 1MDB mendedahkan keberadaan RM42 bilion itu, Dr Mahathir berkata, beberapa bilion telah hilang. Ini peralihan nombor dan hujah yang menimbulkan keraguan serius ter-

hadap tuntutan beliau.

"Sebagai PM, menjadi tanggungjawab memastikan semua entiti di bawah bidang kuasa kerajaan dan juga 1MDB, berungsi dengan baik.

Najib menegaskan sekali lagi sebarang perbuatan salah laku tidak akan terlepas daripada menerima tindakan undang-undang.

"Saya arah Ketua Audit Negara jalankan siasatan terhadap 1MDB dan laporan itu disalurkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) bagi urusan penelitian telus," katanya.

Mengulas lanjut, jika Dr Mahathir mahu jawapan yang dibangkitkan melalui isu 1MDB, beliau hanya perlu tunggu keputusan ketiga-tiga badan itu untuk selesaikan siasatan kes itu.

Namun, katanya, Dr Mahathir seperti tidak berkeyakinan dengan kesemua institusi ini dan jawapan yang akan diberikan kelak.

"Perkara ini berlaku kerana serangan Dr Mahathir bukan disebabkan 1MDB. Tetapi, beliau guna isu ini untuk serang serta menundukkan Perdana Menteri sedia ada. Jika 1MDB tidak wujud, beliau guna alasan lain," katanya.